

Manifesto memperkasa akses internet menepati evolusi masa hadapan

# BN manfaat platform digital

KOSMO 28/04/2018 M/S 13



Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**“TEKNOLOGI** yang cukup maju adalah sama hebatnya dengan ilmu silap mata,” demikian ungkapan penulis sains fiksi Britain, Arthur Clarke.

Sesiapa sahaja yang hidup dari zaman seawal kurun ke-19 dahulu pastinya terkejut dengan kemajuan yang berjaya dicipta manusia pada hari ini.

Penciptaan internet dianggap sebagai satu kejayaan yang paling hebat oleh manusia.

Rakyat Malaysia juga tampak tidak ketinggalan meluncuri gelombang digital.

Menerusi dapatan kajian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dianggarkan 24.5 peratus daripada 32 juta rakyat Malaysia merupakan pengguna internet, manakala selebihnya tidak mempunyai akses kepada internet.

Kadar penggunaan yang tinggi ini disusuli dengan jangkaan nilai e-Dagang di Malaysia yang akan mencecah RM15 bilion pada tahun 2020.

Selaras dengan realiti ini, dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) Barisan Nasional (BN) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 7 April lalu memberi penekanan kepada aspek pemerkasaan platform digital untuk kemajuan negara.



MOHD. AZRUL



MANIFESTO BN untuk memperkasakan akses internet memberi manfaat besar terutama kepada usahawan online. – Gambar hiasan

Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM), Mohd. Azrul Mohd. Nor berkata, langkah proaktif itu sememangnya berpotensi melahirkan lebih ramai usahawan digital.

“Sudah tentu langkah-langkah itu akan bantu lebih banyak usahawan digital yang menjalankan perniagaan berbentuk digital dan juga fizikal serta servis.

“PUIM berpendapat memang patut kerajaan memberi fokus kepada perkembangan ini kerana ia akan memberi impak jangka masa pendek dari segi melahirkan lebih ramai usahawan dan pada sama membolehkan persaingan secara lebih sihat dalam bentuk teknologi selain memberi penjimatan pada pelanggan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, azam kerajaan untuk mewujudkan 1 juta usahawan digital dalam tempoh lima tahun bukan sahaja tidak mustahil, malah membentuk persekitaran, daya saing

dan budaya baharu secara tidak langsung.

“Mengikut data Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), seramai 100,000 mendapat tempat secara online daripada Akademi MDEC, jadi lebih ramai mencebur diri dalam ekonomi digital bermula tahun ini.

“Sekiranya modul ini berjaya, angka ini boleh menjadi dua kali ganda setahun dan boleh mencapai sasaran dalam masa lima tahun,” tambahnya.

Pemerkasaan digital dalam manifesto berkenaan bukan sahaja terhenti pada perniagaan online, malah, ia boleh dimanfaatkan untuk menjamin perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lebih cekap dan telus.

Antaranya, meningkatkan ketelusan PBT dengan mewajibkan siaran langsung setiap kali ahli-ahli majlis bermesyuarat dan merealisasikan transformasi PBT dengan mengaplikasikan keterbukaan maklumat.

Langkah berkenaan dilihat sejalan dengan transformasi digital selain bersifat mesra pengguna.

INFO

## Manifesto BN PERKASA DIGITAL

- Menuju ke arah kerajaan digital melalui penambahan aplikasi dalam talian demi membasmi rasuah dalam perkhidmatan awam
- Memperkenalkan aplikasi iKepoh untuk membolehkan orang awam membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui telefon pintar
- Memperkasa ekosistem ekonomi digital melalui geran permulaan, dana pembangunan teknologi
- Mewujudkan 1 juta usahawan digital dalam tempoh 5 tahun
- Mewujudkan sekurang-kurangnya satu pusat internet di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri untuk kegunaan masyarakat
- Mengurangkan kos pengambilan pembantu rumah asing melalui pengenalan Sistem Pembantu Rumah Dalam Talian
- Mewujudkan sistem maklumat bantuan rakyat Malaysia-B40 Window dan memastikan tiada ketidakadilan dalam pemberian bantuan
- Memacu negara ke arah Revolusi Industri 4.0 untuk mencerakin data besar
- Merealisasikan sasaran sumbangan ekonomi digital sebanyak 25 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2023
- Memperkasa ketelusan dengan memperkenalkan mekanisme petisyen awam
- Mana-mana petisyen dalam talian yang menerima lebih 30,000 sokongan akan mendapat maklum balas dari kerajaan
- Menggubal Akta Berita Palsu bagi menjaga keharmonian dan ketenteraman awam serta kestabilan ekonomi
- Menggubal Akta Dana Politik bagi memantau sumbangan dan perbelanjaan parti-parti politik di Malaysia
- Mewujudkan Ombudsman untuk menyalut sebarang aduan awam mengenai ketidakadilan dan kelemahan perkhidmatan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan
- Meningkatkan ketelusan PBT dengan mewajibkan siaran langsung setiap kali ahli-ahli majlis bermesyuarat
- Mendedahkan laporan audit tahunan PBT untuk tatapan awam
- Mewajibkan Town Hall bersama penduduk secara berkala yang akan dilaksanakan oleh PBT
- Merealisasikan transformasi PBT dengan mengaplikasikan keterbukaan maklumat
- Menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen dalam memperhalusi serta memberi maklum balas mengenai isu-isu kepentingan awam